Buletin

Malawati

"Usaha Untuk Rakyat"

Majlis Daerah Kuala Selangor www.mdks.gov.my

September - Disember 2019

KARNIVAL KUALA SELANGOR 2019

19 OKTOBER 2019

Dialog Bajet 2020 MDKS 3

Program Input SPM MDKS 2019 14

"My Place Awards 2019" 18

Naskah Percuma

Kuala Selangor Indah dan Bersejarah

Aktiviti MDKS
September - Disember 2019

SEPTEMBER

- Operasi Reban Ayam Haram
- Dialog Bajet 2020 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
- Sukan Kakitangan MDKS (Sukan Takraw dan Bola Jaring)
- Operasi Kedai Arak Tanpa Lesen
- Program Pemerkasaan Pengurusan Sumber Manusia Majlis Daerah Kuala Selangor
- Taklimat Program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM)
- Walkaton Kuala Selangor 2019
- Lawatan Delegasi Majlis Daerah Sabak Bernam Program Lawatan Penandaarasan Perkongsian Ilmu Penaziran Standard Kualiti Pelaksanaan Program Akrab dan Pementoran
- Operasi Warga Asing
- Bengkel Penguatkuasaan Pelaksanaan Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
- World Cleanup Day
- Dialog Bersama Pemimpin Setempat, Alam Perdana
- Seminar Peranan Perundingan Dalam Menyediakan Reka Bentuk Sejagat Secara Inklusif
- Rancangan Kawasan Khas Bandar Malawati Kuala Selangor 2025
- Majlis Penyerahan Sangkar Monyet Kepada Ahli Majlis
- Operasi Bangunan Haram
- Sukan Kakitangan (Pingpong)
- Majlis Perasmian Central Park

OKTOBER

- Bengkel Audit Dalaman MS ISO 9001:2018
- Operasi Bersepadu Kilang Ais Ocean Land
- Operasi Kilang Baja Organik Kg Api-Api
- Perhimpunan Pagi Bil 8 Anjuran COB, OSC)
- Operasi Bersepadu Kilang UPP PULP Batu 22 Ijok
- Sukan Kakitangan MDKS 2019 (Sukan Dart dan Karom)
- Selangor R&D and Inovation Expo 2019
- Operasi Pusat Karaoke
- Mesyuarat Sewaan Premis MDKS Bil. 2 / 2019
- Karnival Kuala Selangor 2019
- Majlis Perpisahan Puan Nurul Huda binti Ramli
- Kolej Komuniti *River Clean Up*
- Program Input SPM MDKS 2019

NOVEMBER

- Gotong Royong Pembersihan Banjir Bersepadu
- Audit Dalaman MS ISO 9001:2015
- Lawatan Universiti Malaysia Sabah
- Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor
- Hari Perancang Bandar Sedunia 2019
- Program CSR Pusat Santuari Kelip-Kelip Kg. Kuantan bersama MSU
- Majlis Hi Tea sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2019
- My Place Awards 2019
- Tanggungjawab Sosial Korporat dari SMK Hill Crest di Pantai Pantai Remis
- Mesyuarat Majlis Bilangan 11/2019 Dan Lawatan Kerja Ke Dewan Bandaraya Kuching Utara
- Operasi Sitaan Premis Sewaan Majlis Daerah Kuala Selangor
- Perjumpaan YDP bersama Pemandu
- RXZ Mega Gathering

DISEMBER

- Lawatan dari Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- Sesi Pemeriksaan dan Ujian Alatan Permainan Kanak-Kanak bagi Pilot Projek MS 966:2017, MS 2665-1:20107 dan MS 2665-2:2017- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Dijalan SP 21 Sri Pistana
- Bengkel Pelaksanaan Aset Infrastruktur Mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk Penyediaan Penyata Kewangan MDKS
- Perasmian Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Antara Universiti Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor
- Jamuan Teh Diraja Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor
- Lawatan Media Ke Kuala Selangor
- Operasi Menembak MDKS Bil. 2/2019
- Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Negeri Selangor Dihoskan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
- Kursus Perlindungan Harta Intelek
- Perjumpaan YDP bersama Pemandu
- Majlis Penutup Program Permentoran Tahun 2019 dan Pelancaran Program Permentoran Tahun 2020 serta Perasmian Bilik Kaunseling AKRAB

Sidang Redaksi
BULETIN MALAWATI

Penaung
Puan Rahilah binti Rahmat *AMS,*
ydp@mdks.gov.my

Penasihat
Tuan Azman bin Dahlan *AIS, PPT,*
azmandahlan@mdks.gov.my

Editor
Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mdks.gov.my

Pengarang
Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mdks.gov.my

Penolong Pengarang
Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mdks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan
Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mdks.gov.my

Diterbitkan Oleh
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Diterbitkan Untuk

Majlis Daerah Kuala Selangor
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor
Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101
Web : www.mdks.gov.my

OPERASI REBAN AYAM HARAM

5 September 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi meroboh reban ternakan didalam kawasan taman perumahan di Taman Tennamaram, Bestari Jaya. Tindakan tegas dilakukan terhadap pemilik kediaman yang menjadikan laman hadapan dan belakang rumah mereka sebagai kawasan penternakan ayam dan itik.

Pada masa yang sama, tindakan sitaan turut dijalankan kepada individu yang masih tidak mengosongkan reban sewaktu operasi dijalankan. Sebanyak 20 ekor ayam, 2 ekor itik dan 2 ekor anjing disita semasa operasi tersebut.

Operasi ini berjalan lancar dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Veterinar Daerah Kuala Selangor serta KDEB Waste Management.

Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

DIALOG BAJET 2020

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

5 – 6 September 2019

Satu dialog bajet telah diadakan bersama-sama Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor di Sunway Resort Hotel & Spa. Dialog ini diadakan untuk mendapatkan maklumbalas perancangan belanjawan MDKS untuk tahun 2020.

Sumber : Jabatan Perbendaharaan

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (MPPANS)

11 September 2019

Sekitar Majlis Perasmian Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2019 di Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz, Shah Alam pada 11 September 2019 dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor , Yang Berhormat Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat bagi memberi sokongan kepada wakil-wakil MDKS yang bertanding.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

OPERASI KEDAI ARAK TANPA LESEN

12 September 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi bersepadu premis minuman keras tanpa lesen melibatkan tiga premis di Bestari Jaya.

Dalam operasi tersebut, sitaan 524 botol minuman keras pelbagai jenama dan tiga kompaun kepada tiga premis di bawah kesalahan Undang-Undang Kecil 3, Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007. Notis memberhentikan perniagaan turut dikeluarkan kepada tiga premis terlibat.

Operasi ini berjalan lancar dan dijalankan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor, Kastam Diraja Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

LAWATAN PENANDAARASAN PERKONGSIAN ILMU PENAZIRAN STANDARD KUALITI PELAKSANAAN PROGRAM AKRAB DAN PEMENTORAN DARIPADA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

19 September 2019

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI WARGA ASING

19 September 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan operasi premis warga asing di sekitar Puncak Alam dan Saujana Utama. Hasil operasi tersebut, sebanyak 4 tangkapan pendatang asing tanpa izin dan sembilan kompaun telah dikeluarkan melibatkan kesalahan perniagaan tanpa lesen.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

BENGKEL PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

21 September 2019

Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

"WORLD CLEANUP DAY"

PROGRAM CSR ZUELLIG PHARMA

21 September 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR MALAWATI KUALA SELANGOR 2025

25 September 2019

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

MAJLIS PENYERAHAN SANGKAR MONYET KEPADA AHLI MAJLIS

26 September 2019

Sumber : Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal

OPERASI BANGUNAN HARAM

26 September 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi meroboh struktur binaan gerai di atas rizab jalan di Bestari Jaya. Dalam operasi tersebut, sebanyak empat buah struktur bangunan telah dirobohkan. Tindakan tegas dilakukan terhadap pemilik struktur bangunan tersebut yang menggunakan rizab jalan sebagai tempat perniagaan makanan. Operasi ini berjalan lancar dan dijalankan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.

Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

MAJLIS PERASMIAN CENTRAL PARK

28 September 2019

Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat telah merasmikan pembukaan taman rekreasi Central Park IJM Land di Bandar Puncak Alam. Pusat rekreasi yang baru dibina ini akan menjadi hub komuniti di mana penduduk dapat berkumpul dan berinteraksi bersama-sama dalam suasana yang tenang. Antara kemudahan yang disediakan adalah gelanggang luncur skateboard, auditorium dan ruangan sebesar 11 ekar untuk aktiviti riadah.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

BENGKEL AUDIT DALAMAN MS ISO 9001 / 2018

1 Oktober 2019

Sumber : Unit Korporat Dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU KILANG AIS

4 Oktober 2019

MDKS telah menjalankan satu serbuan bersepadu dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor ke sebuah kilang ais di Kuala Selangor. Serbuan ini dijalankan berikutan tahap kebersihan di kilang ini yang masih tidak memuaskan. Kompaun telah dikeluarkan seperti operasi tanpa lesen dan pelbagai kesalahan di dalam tatacara kebersihan.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI KILANG BAJA ORGANIK KG API-API

7 Oktober 2019

Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 8 /2019

7 Oktober 2019

Perhimpunan Bulanan MDKS ini dihoskan oleh Unit Pusat Setempat dan Unit Pesuruhjaya Bangunan yang diadakan di Dewan Siantan, MDKS. Ucaptama telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat yang menyampaikan amanat dan meningkatkan moral kakitangan untuk meningkatkan prestasi Jabatan. Selain itu, hos perhimpunan turut memperkenalkan semakan tentatif dan pendaftaran secara online menggunakan QR Code.

Sumber : 1. Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)
2. Unit Pusat Setempat (OSC)

SELANGOR *R&D AND INOVATION EXPO* 2019

10 - 13 Oktober 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

OPERASI KELAWAR

11 Oktober 2019

Jabatan Penguatkuasa MDKS telah menjalankan Operasi Kelawar iaitu menyerbu pusat karaoke yang menjalankan operasi tanpa lesen di sekitar Peninsula Park, Pasir Penambang. Operasi ini dijalankan dengan kekuatan seramai 17 anggota penguatkuasa dan telah berjaya menyita sejumlah 22 unit meja, 43 unit kerusi dan dua unit pembesar suara serta sebuah power AMP.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa

KARNIVAL KUALA SELANGOR 2019

19 Oktober 2019

Karnival Kuala Selangor yang berlangsung di Dataran Malawati, di sini menjadi landasan terbaik dalam mengetengahkan warisan sejarah dan budaya di daerah terbabit. Karnival julung kali itu turut mempromosikan produk pelancongan, sesuai dengan lokasinya dalam gugusan eko pelancongan. Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat menyempurnakan karnival ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti Hari Rendah Karbon, pemeran makanan warisan dan persembahan tradisional melayu oleh kumpulan Dendang Anak serta larian malam *Glow In The Dark Run*.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KOLEJ KOMUNITI RIVER CLEAN UP

23 Oktober 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM INPUT SPM MDKS 2019

23 - 24 Oktober 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menganjurkan Program *Input* SPM 2019 dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor di Dewan Utama, Pejabat KEMAS Daerah Kuala Selangor.

Seramai 50 orang pelajar yang terdiri daripada dua buah sekolah telah terpilih pada tahun ini iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjung dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Selangor.

Program ini merupakan aktiviti pecutan akhir untuk pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kini menjadi salah satu agenda MDKS untuk meningkatkan pembangunan modal insan dan aktiviti ini merupakan tahun kedua penganjuran.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

GOTONG ROYONG PEMBERSIHAN BANJIR BERSEPADU

2 November 2019

Pasukan PANTAS MDKS dan pelbagai agensi serta sukarelawan hadir ke Parit Mahang yang dilanda bencana banjir. Pelbagai bantuan disalurkan pada misi kali ini dan fokus utama adalah gotong royong pembersihan dan pemulihan semula kawasan banjir. Turut hadir memberi bantuan adalah Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia.

Sumber : Skuad PANTAS Majlis Daerah Kuala Selangor

AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015

4 - 8 November 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

LAWATAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

7 November 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT NEGERI SELANGOR

9 November 2019

Kontinjen perarakan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah hadir dan bersama-sama menyertai perarakan sejauh 2 kilometer sempena Sambutan Maulidur Rasul 1441H/2019M Stadium Malawati, Seksyen 13, Shah Alam. Pada sambutan kali ini, MDKS telah menerima anugerah tempat kedua untuk kategori sepanduk terbaik. Hadiah telah disampaikan oleh Raja Muda Selangor, DYTM Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA 2019

10 November 2019

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

PROGRAM CSR PUSAT SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN BERSAMA MSU

10 November 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS HI TEA SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2019 15 November 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2019.

Selain itu, Jawatankuasa Penduduk Taman Seri Setia, Tanjung Karang turut menerima pengiktirafan bagi kategori komuniti dan Sekolah Kebangsaan Saujana Utama untuk kategori sekolah.

Anugerah telah disampaikan oleh Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Dan Kampung Tradisi.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

"MY PLACE AWARDS 2019" 15 November 2019

Majlis daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima penganugerahan "Silver Award" untuk kategori Outdoor Public Park/Plaza menerusi projek pembangunan semula Dataran Pekan Lama Kuala Selangor sempena My Place Award 2019 di Glamhall Damansara.

Dataran Pekan Lama Kuala Selangor yang berkeluasan 0.4 hektar telah dinaiktaraf dengan penyediaan pentas serba baharu untuk penganjuran karnival, dan kawasan lapang untuk aktiviti riadah bersama keluarga.

Untuk rekod, MyPlace Awards 2019 bertujuan mengiktiraf kecemerlangan dalam 'place making' badan-badan dan komuniti dalam menambahbaik kawasan awam yang memberi impak positif kepada komuniti setempat.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SEMINAR KEUSAHAWANAN JOM BIJAK BERBELANJA BERSAMA MY SMART SHOPPER

16 November 2019

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT DARI SMK HILL CREST DI PANTAI REMIS

16 November 2019

Sumber : Unit Korporat & Perhubungan Awam

MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11/2019 DAN LAWATAN KERJA KE DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

17 – 19 November 2019

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI SITAAN PREMIS SEWAAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

21 November 2019

Sumber : Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

RXZ MEGA GATHERING

30 November - 1 Disember 2019

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

LAWATAN KERJA DARI MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

2 Disember 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima lawatan rasmi daripada Majlis Perbandaran Kubang Pasu. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan pembuangan sampah haram dan produk pelancongan daerah Kuala Selangor. Taklimat telah disampaikan oleh Setiausaha MDKS, Tuan Azman bin Dahlan.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

BENGKEL PELAKSANAAN ASET INFRASTRUKTUR MENGIKUT PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA UNTUK PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MDKS

3 Disember 2019

Sumber : Jabatan Perbendaharaan

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA ANTARA UNISEL DAN MDKS

4 Disember 2019

Universiti Selangor (UNISEL) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membuka ruang kerjasama antara kedua-dua pihak.

Perjanjian persefahaman itu meliputi dua aspek penting iaitu projek penghijauan dan inisiatif pelancongan. Intipati kerjasama itu dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak seterusnya dapat membuka ruang kepada UNISEL sebagai hub teknologi hijau atau *bank tree*.

Manakala, inisiatif pelancongan pula dapat menjadikan sekitar UNISEL Bestari Jaya sebagai salah satu jejak warisan di daerah Kuala Selangor terutama berkenaan sejarah tapak perlombongan yang wujud di sini sekitar tahun 50-an.

LAWATAN MEDIA KE KUALA SELANGOR

14 Disember 2019

Seramai 50 pengamal media termasuk "Social Media Influence" telah dibawa melawat ke kawasan-kawasan pelancongan di daerah Kuala Selangor dalam siri rangka promosi dengan kerjasama Tourism Malaysia. Penganjuran lawatan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke daerah ini serta meningkatkan lagi ekonomi penduduk setempat.

Sumber : Unit Pelaburan, Penswastaan & Pelancongan

OPERASI MENEMBAK MDKS BIL. 2/2019

14 Disember 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi menembak gagak pada 14 Disember 2019 di beberapa kawasan yang menjadi tumpuan persinggahan burung gagak.

Operasi ini disertai seramai 5 orang penembak berlesen dan profesional termasuk tiga orang penguatkuasa MDKS yang terlibat membantu untuk mengurangkan bilangan gagak di daerah Kuala Selangor.

Operasi ini bermula jam 7.00 pagi hingga 9.00 malam dan sebanyak 1,563 ekor burung gagak berjaya ditembak serta dilupuskan. Keselamatan orang awam sentiasa menjadi keutamaan semasa operasi dijalankan.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

KURSUS PERLINDUNGAN HARTA INTELEK 18-20 Disember 2019

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PENUTUP PROGRAM PERMENTORAN TAHUN 2019 DAN PELANCARAN PROGRAM PERMENTORAN TAHUN 2020 SERTA PERSAMIAN BILIK KAUNSELING AKRAB 12 September 2019

Berlangsung di Dewan Bandar Baru Kuala Selangor, telah diadakan Majlis Penutup Program Permentoran Tahun 2019 dan Pelancaran Program Permentoran Tahun 2020 serta Perasmian Bilik Kaunseling AKRAB.

Program ini bertujuan untuk memberi bimbingan, sokongan serta bantuan dengan menerapkan elemen psikologi dan kaunseling secara professional yang diberikan oleh mentor kepada menti. Ianya bertujuan meningkatkan pembangunan serta kompetensi professional, budaya, peribadi dan sosial bagi pegawai lantikan baharu.

Majlis telah disempurnakan oleh Setiausaha MDKS, Tuan Azman bin Dahlan yang turut menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta permentoran tahun 2019 dan penyampaian watikah pelantikan kepada peserta permentoran tahun 2020.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan